



## KENYATAAN MEDIA

---

### MAJLIS MALAM APRESIASI MADANI CINTAI BUMI SEMPENA SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2023

---

#### KPKT RANGKA 5 STRATEGI UTAMA BAGI MENCAPAI SASARAN 40% KADAR KITAR SEMULA KEBANGSAAN MENJELANG 2025

---

**PUTRAJAYA, 17 November 2023** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menganjurkan Majlis Malam Apresiasi MADANI Cintai Bumi Sempena Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan (HKSK) 2023. Program ini disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, bertempat di Dewan De' Seri Endon PUSPANITAPURI, Putrajaya.

HKSK merupakan acara tahunan yang disambut sejak 2015 untuk menyemarakkan amalan dan budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat. **Tujuan utama sambutan HKSK diadakan setiap tahun adalah untuk memastikan alam sekitar yang kita huni terpelihara. Sumber alam ini merupakan suatu anugerah tuhan yang perlu kita manfaat dan digunakan dengan penuh kebijaksanaan melalui amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*).** Selain itu, penganjuran majlis ini adalah **untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pihak-pihak yang giat melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan penjagaan kebersihan dan amalan 3R agar mereka menjadi inspirasi kepada masyarakat.**

Sambutan **HKSK 2023** pada tahun ini bertemakan “**Madani Cintai Bumi**”. Tema ini dipilih bagi menunjukkan pentingnya mencintai dan merawat bumi dengan cara yang bijaksana, bertanggungjawab dan berbudaya mencakupi kolaborasi antara masyarakat, agensi kerajaan dan sektor swasta untuk menjaga kelestarian alam, mengurangi impak negatif terhadap lingkungan serta mempromosikan pengelolaan sumber daya secara menyeluruh.

Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir memaklumkan bahawa **KPKT telah mensasarkan untuk meningkatkan Kadar Kitar Semula Kebangsaan kepada 40% menjelang tahun 2025. Sehubungan itu, melalui sambutan HKSK ini, Kementerian telah menetapkan 5 strategi utama untuk mencapai 40% kadar kitar semula** iaitu:

- (i) Pelaksanaan pengurusan sisa pepejal berkonsepkan ekonomi kitaran;
- (ii) Pelaksanaan peluasan tanggungjawab pengeluar Extended Producer Responsibility (EPR);
- (iii) Memperkasa pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca (Separation At Source - SAS) dan pengurusan sisa pepejal di sektor komersial, perindustrian dan keinstitusian (CII);
- (iv) Strategi pembasmian sampah haram dan sisa pepejal di sektor komersial, perindustrian dan keinstitusian; dan
- (v) Memperkasa pelaksanaan program pembudayaan 3R dan kempen kesedaran.

**KPKT telah menubuhkan Majlis Ekonomi Kitaran pada 7 September 2023.** Penubuhan tersebut merupakan **satu inisiatif berimpak tinggi dan juga merupakan platform nasional yang menggunakan pendekatan keseluruhan negara bagi menyatukan semua pemegang taruh untuk mempercepatkan agenda peralihan pengurusan sisa pepejal daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran secara holistik.** Inisiatif ini memberi tumpuan kepada **6 elemen yang menyokong ekosistem ekonomi kitaran** iaitu:

- (i) Membangunkan pasaran dan permintaan terhadap bahan kitar semula;
- (ii) Mereka bentuk produk yang dapat mengoptimumkan kitaran hayat melalui penggunaan semula, kitar semula dan mesra alam;
- (iii) Menggalakkan pengasingan sisa pepejal di punca dan menambah baik sistem kutipan sisa pepejal;
- (iv) Menyediakan kemudahan infrastruktur kitar semula dan insentif yang bersesuaian untuk menggalakkan aktiviti 3R;
- (v) Membangunkan sistem data kitar semula yang bersepadu; dan
- (vi) Mewujudkan platform kerjasama awam, swasta dan komuniti.

Untuk memastikan pembangunan rangka kerja EPR menyeluruh bagi sisa pepejal, **KPKT telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Malaysian Recycling Alliance Bhd (MAREA) untuk melaksanakan Projek Perintis EPR di Pulau Langkawi. Objektif MoU tersebut bertujuan untuk mengenal pasti mekanisme, implikasi kewangan dan kadar bayaran bagi pelaksanaan EPR yang bersesuaian di Malaysia.**

Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir juga **mengumumkan kadar kitar semula kebangsaan pada tahun 2023 meningkat kepada 35.38% berbanding sasaran 35%, dengan jumlah barangan kitar semula mencecah 4.933 juta tan. Kadar ini selari dengan sasaran kadar kitar semula yang ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu sebanyak 40% menjelang tahun 2025.**

Penganjuran sambutan pada kali ini adalah dengan kerjasama rakan-rakan strategik iaitu Majlis Rekabentuk Malaysia, Syarikat F&N Holdings Bhd, Syarikat Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd, Syarikat-syarikat Konsesi Environment Idaman Sdn Bhd, Alam Flora Sdn Bhd dan SWM Environment Sdn Bhd, Kloth Care, Badan Bukan Kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan swasta serta semua pihak berkepentingan kerana bekerjasama dengan KPKT dalam menjayakan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan budaya dan amalan kitar semula di negara ini.

Turut hadir pada Sambutan HKSK 2023 adalah Yang Berbahagia Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, Yang Berbahagia Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT, Yang Berusaha Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi SWCorp, dan Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp.

## **PENGISIAN SAMBUTAN HSKK 2023**

### **Pertandingan Reka Bentuk from Waste to Wealth Innovation (WAWI)**

Program baharu yang mula diperkenalkan pada tahun 2021 dengan kerjasama Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) berkonsepkan penghasilan produk baharu daripada bahan kitar semula (*upcycling*). **Sebanyak 421 penyertaan telah diterima terdiri daripada 308 kategori komuniti dan 113 penyertaan bagi kategori profesional.**

### **Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah (PerKISS)**

Pertandingan PerKISS telah diadakan bermula pada 1 April 2023 sehingga 30 Ogos 2023. **Sebanyak 1,465 sekolah terdiri daripada sekolah rendah dan menengah telah mendaftar dengan jumlah kutipan barangan kitar semula keseluruhan sebanyak 2.977 juta kg dengan nilai sebanyak RM1.727 juta.**

### **Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Sisa Pepejal di Sektor Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian (STAR-CII) 2023**

Penganugerahan ini adalah untuk mempromosikan amalan terbaik pengurusan sisa pepejal di kalangan sektor komersial, perindustrian dan keinstitusian (CII) di Malaysia sebagai sokongan terhadap Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Dasar Kebersihan Negara serta sasaran ke-12 di dalam *Sustainable Development Goals* (SDG). **Sehingga tahun 2015, sebanyak 31 sektor CII telah menerima penarafan dan pengiktirafan dalam amalan terbaik pengurusan sisa pepejal daripada keseluruhan penyertaan sebanyak 350 sektor CII.**

### **Program *World Cleanup Day***

Sambutan World Cleanup Day merupakan program tahunan SWCorp dengan kaedah pelaksanaan berbentuk aktiviti pembersihan kawasan dan audit sisa. Sambutan tahun ini diadakan pada 16 - 24 September 2023 di seluruh negeri **melibatkan pelaksanaan di 540 lokasi dengan penyertaan 268 agensi penganjur. Program telah berjaya mendapatkan penyertaan seramai 30,677 orang Sukarelawan Hero Kebersihan dengan jumlah kutipan sebanyak 241,535.14kg dengan anggaran nilai sebanyak RM27,000.00.**

## **Pengiktirafan Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) Tahun 2023**

Pengiktirafan Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) Tahun 2023 **buat julung kalinya diperkenalkan oleh SWCorp untuk menghargai usaha dan komitmen penghuni, Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body* (JMB) dan Persatuan Penduduk PPR di 17 PPR yang dinilai** dalam usaha untuk menggalakan penyertaan secara menyeluruh oleh komuniti untuk membudayakan amalan kebersihan dan aktiviti 3R.

### ***Drive-Thru Recycle Centre (DTRC)***

SWCorp bersama 3 syarikat konsesi telah mewujudkan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu atau *Drive-Thru Recycle Centre (DTRC)* di 7 negeri menerima pakai Akta 672. Sehingga kini, sebanyak 64 DTRC telah diwujudkan di negeri bawah seliaan SWCorp. Sebagai tambahan, 1 DTRC yang paling cemerlang dari segi penyediaan infrastruktur dan pengoperasian yang diusahakan oleh syarikat konsesi dipilih untuk menerima Anugerah Khas *Drive-Thru Recycle Center* Konsesi Terbaik buat julung kalinya diperkenalkan oleh SWCorp pada tahun 2023. Usaha ini bertujuan untuk menghargai komitmen syarikat konsesi dalam membantu merealisasikan hasrat Kerajaan dalam mewujudkan DTRC.

.....  
**TAMAT**

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Korporat**

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh: 17 November 2023

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh e-melkan kepada:

**SUMATRA A/P APPAVOO**

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

E-mel: [sumatra@swcorp.my](mailto:sumatra@swcorp.my)